

SULIT

3756/1

3756/1
Prinsip
Perakaunan
Kertas 1
Ogos
2019
1 ¼ jam

**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019
Negeri Perlis**

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab **semua** soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C dan D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan*
4. *Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan dibenarkan*

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak

3756/1

Koleksi 3756 Percubaan SPM 2019

[Lihat disebelah
SULIT

CNO
C3 Nazuki Online

- 1 Apakah sub-bidang perakaunan yang merangkumi skop kerja berkaitan dengan pengesahan dan pemeriksaan akaun ?
- A Percukaian
 - B Pengauditan
 - C Perakaunan Kewangan
 - D Perakaunan Pengurusan
- 2 “Kelewatan dalam menyediakan maklumat kewangan telah menyebabkan pengguna sukar untuk membuat keputusan”.
Apakah ciri kualitatif tersebut ?
- A Kebolehbandingan
 - B Kebolehfahaman
 - C Kebolehsahan
 - D Pemasaan
- 3 Manakah bukan entiti perniagaan ?
- A Kedai Runcit Pak Mat
 - B Klinik Azlee dan rakan-rakan
 - C Persatuan Pencinta Flora dan Fauna
 - D Pemborong Bahan Binaan Sdn. Bhd.
- 4 Antara berikut, butir manakah yang terdapat dalam komponen kos jualan ?
- I Belian
 - II Insurans
 - III Angkutan masuk
 - IV Angkutan keluar
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

5	Tarikh Urus Niaga	Aset			=	Liabiliti + Ekuiti Pemilik		
		Alatan Pejabat (RM)	Inventori (RM)	Bank (RM)		Akaun Belum Bayar (RM)	Pinjaman (RM)	Modal (RM)
	Baki b/b	32 500	18 230	(2 250)		8 250	10 000	?

Berdasarkan jadual persamaan perakaunan di atas, berapakah jumlah modal ?

- A RM18 250
- B RM30 230
- C RM34 730
- D RM66 730

6 Apakah dokumen bukan sumber yang dihantar oleh pembeli kepada pembekal ?

- A Sebut harga
- B Nota serahan
- C Penyata akaun
- D Pesanan belian

7 Urus niaga berikut di ambil daripada Buku Perniagaan Mazmat yang menjalankan perniagaan perabot .

Membeli kerusi dan meja bernilai RM 5 500 secara kredit

Apakah Buku Catatan Pertama yang terlibat ?

- A Jurnal Am
- B Jurnal Belian
- C Jurnal Pulangan Belian
- D Jurnal Pembayaran Tunai

- 8 Maklumat berikut merupakan urus niaga yang diambil daripada buku Perniagaan Batik Klasik

SALINAN	No. 676
<p>RESIT RASMI Perniagaan Batik Klasik 32, Jalan Masjid 01000 Kangar, Perlis</p>	
15 Julai 2019	
<p>Diterima daripada : Kedai Kain Angsana Ringgit Malaysia : Lima ribu sahaja (Diskaun RM250). No. Cek : 231450</p>	

Manakah catatan dalam Buku Tunai yang betul ?

A **Buku Tunai (Bahagian Debit)**

Tarikh	Butir	F	Diskaun	Tunai (RM)	Bank (RM)
2019					
Jul 15	Perniagaan Batik Klasik		250		4 750

B **Buku Tunai (Bahagian Debit)**

Tarikh	Butir	F	Diskaun	Tunai (RM)	Bank (RM)
2019					
Jul 15	Kedai Kain Angsana		250		5 000

C **Buku Tunai (Bahagian Kredit)**

Tarikh	Butir	F	Diskaun	Tunai (RM)	Bank (RM)
2019					
Jul 15	Perniagaan Batik Klasik		250		4 750

D **Buku Tunai (Bahagian Kredit)**

Tarikh	Butir	F	Diskaun	Tunai (RM)	Bank (RM)
2019					
Jul 15	Kedai Kain Angsana		250		5 000

- 9 Berikut adalah urus niaga bagi Perniagaan Naiela.

Pemilik mengambil barang niaga sebanyak RM850 untuk didermakan kepada Pusat Asuhan Kanak-Kanak.

Manakah catatan yang betul ?

A

Jurnal Am

Butir	F	Debit (RM)	Kredit (RM)
Ambilan		850	
Belian			850

B

Jurnal Am

Butir	F	Debit (RM)	Kredit (RM)
Derma		850	
Belian			850

C

Jurnal Am

Butir	F	Debit (RM)	Kredit (RM)
Ambilan		850	
Inventori			850

D

Jurnal Am

Butir	F	Debit (RM)	Kredit (RM)
Derma		850	
Inventori			850

- 10 Berikut adalah petikan Buku Tunai Runcit bagi Perniagaan Hanny.

Buku Tunai Runcit

Tarikh	Butir	F	Penerimaan (RM)	Pembayaran (RM)	Alat tulis (RM)	Belanja Pos (RM)	Belanja Pejabat (RM)
2019							
Mac 1	Bank		200				
4	Pen Marker			25	25		
9	Minuman			38			38
15	Pos laju			54		54	
19	Pewangi			28			28
					25	54	66

Berapakah jumlah yang perlu diganti oleh Ketua Juruwang ?

- A RM55
 B RM145
 C RM200
 D RM345
- 11 Baki akaun manakah yang dicatat di sebelah debit Imbangan Duga?
 A Overdraf Bank
 B Pulangan Masuk
 C Diskaun Diterima
 D Akaun Belum Bayar
- 12 Bilakah inventori akan ditentukan dalam Sistem Inventori Berkala?
 A Pada awal bulan.
 B Pada akhir bulan.
 C Pada awal tempoh perakaunan.
 D Pada akhir tempoh perakaunan.

13 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Alat Tulis Lee Hwa

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	Jumlah (RM)
2019		
Jan 12	Store Aman	500
21	Samad Enterprise	1 300
31	AKAUN JUALAN	1 800

Apakah catatan yang betul dalam Akaun Jualan?

A

Akaun Jualan			
	2019		RM
	Jan 31	Store Amani	800
		Samad Enterprise	1 300

B

Akaun Jualan			
	2019		RM
	Jan 31	Akaun Belum Terima	1 800

C

Akaun Jualan			
	2019		RM
	Jan 31	Pelbagai Akaun Belum Terima	1 800

D

Akaun Jualan			
	2019		RM
	Jan 31	Jualan	1 800

14 Pilih catatan bergu yang betul.

	Urusniaga	Debit	Kredit
I	Bayar sewa dengan cek	Sewa	Cek
II	Jual perabot secara tunai.	Tunai	Perabot
III	Belian kredit daripada Maya Ent.	Belian	Maya Ent.
IV	Ambilan tunai untuk kegunaan sendiri	Ambilan	Modal

- A I dan II
 B II dan III
 C III dan IV
 D I dan IV

15 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Asas Hayat Enterprise pada 30 Jun 2019.

Butir	1 Julai 2018 RM	30 Jun 2019 RM
Akaun Belum Terima	1 840	2 768

Maklumat Tambahan:

- Peruntukan hutang ragu RM686.
- Cek diterima daripada Akaun Belum Terima RM1 240

Berapakah jumlah jualan kredit?

- A RM928
 B RM2 168
 C RM2 854
 D RM3 282

- 16 Imbangan Duga di bawah dipetik daripada buku perniagaan Munawar Enterprise

Munawar Enterprise

Imbangan Duga Pada 30 Jun 2019

Butir	Debit	Kredit
Pulangan	200	
Diskaun		500

Pernyataan manakah yang menerangkan catatan di atas ?

- A** Pulangan Masuk RM200
Diskaun Diberi RM500
- B** Pulangan Keluar RM200
Diskaun Diterima RM500
- C** Pulangan Keluar RM200
Diskaun Diberi RM500
- D** Pulangan Masuk RM200
Diskaun Diterima RM500
- 17 Manakah antara berikut merupakan rumus yang betul untuk mengira kos belian?
- A** Belian tolak pulangan belian
- B** Belian tolak pulangan jualan
- C** Belian Bersih tambah angkutan masuk
- D** Belian Bersih tambah insurans
- 18 Apakah kesan ke atas Akaun Untung Rugi perniagaan jika jumlah belanja melebihi jumlah hasil?
- A** Rugi kasar
- B** Rugi bersih
- C** Untung kasar
- D** Untung bersih

- 19 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Indah Enterprise bagi tahun berakhir 30 Jun 2019.

Butir	RM
Inventori (1 Julai 2018)	3 500
Inventori (30 Jun 2019)	2 140
Belian	11 800
Pulangan Keluar	420
Pulangan Masuk	320
Angkutan Keluar	680

Berapakah kos jualan?

- A RM12 740
 - B RM12 840
 - C RM13 420
 - D RM13 520
- 20 Item manakah yang mengurangkan modal?
- A Ambilan
 - B Untung kasar
 - C Untung bersih
 - D Modal tambahan
- 21 Antara berikut, butiran manakah yang dicatat dalam Penyata Kedudukan Kewangan?
- I Promosi
 - II Inventori awal
 - III Modal
 - IV Inventori akhir
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 22 Dalam komponen manakah kadar bayaran belum bayar direkodkan dalam penyata kewangan?
- A Hasil
 - B Belanja
 - C Aset semasa
 - D Liabiliti semasa
- 23 Berikut ialah petikan Imbangan Duga bagi Perniagaan Ezibest:

Imbangan Duga pada 31 Disember 2018

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Lekapan	15 000	
Susut nilai terkumpul lekapan		4 065

Pada 31 Disember 2018, lekapan tersebut telah dijual dengan harga RM10 000 dan dibayar dengan cek.

Berapakah untung atau rugi pelupusan lekapan tersebut?

- A Rugi pelupusan RM935
 - B Rugi pelupusan RM9 065
 - C Untung pelupusan RM935
 - D Untung pelupusan RM9 065
- 24 Jualan sebanyak RM2 000 kepada Maria direkodkan dalam Akaun Mariam. Apakah jenis kesilapan tersebut?
- A Kesilapan amaun
 - B Kesilapan prinsip
 - C Kesilapan songsang
 - D Kesilapan komisen

- 25 Promosi yang dibayar secara tunai RM500 telah didebitkan dalam Akaun Tunai dan dikreditkan dalam Akaun Promosi.

Bagaimanakah kesilapan tersebut dibetulkan dalam Jurnal Am?

A Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Promosi	500	
Tunai		500

B Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Tunai	500	
Promosi		500

C Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Promosi	1 000	
Tunai		1 000

D Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Tunai	1 000	
Promosi		1 000

- 26 Cik Seroja memaklumkan perniagaannya memperoleh untung bersih sebanyak 32 sen bagi setiap RM1 jualan bersih.

Apakah analisis nisbah yang digunakan?

- A Tokokan
- B Margin untung kasar
- C Margin untung bersih
- D Pulangan atas modal

- 27 Encik Jazman sedang mempertimbangkan untuk membuat pelaburan dalam Syarikat Baiti ataupun Syarikat Jannati.

Nisbah manakah yang dapat membantu beliau membuat keputusan untuk melabur?

- A Nisbah semasa
- B Nisbah ujian asid
- C Margin untung kasar
- D Pulangan atas modal

- 28 Maklumat berikut berkaitan dengan nisbah semasa Yaya Enterprise untuk dua tahun.

Tahun	Nisbah semasa
2017	3:1
2018	1:2

Tafsirkan prestasi bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017.

- A Merosot dan tidak mampu membayar hutang
 - B Merosot tetapi masih mampu membayar hutang
 - C Meningkatkan ke tahap kecairan yang paling baik
 - D Meningkatkan terlalu tinggi dan kurang memberi pulangan
- 29 Cik Nurul tidak menyimpan buku akaun dengan lengkap. Maklumat berikut diperoleh pada 31 Disember 2018.

2018		RM
Januari 1	Promosi belum bayar	330
Disember 31	Jumlah bayaran promosi	590
	Promosi belum bayar	210

Berapakah jumlah promosi yang direkodkan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2018?

- A RM210
- B RM470
- C RM590
- D RM710

30 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Mona.

	1 Januari 2018	31 Disember 2018
	RM	RM
Komisen belum terperoleh	500	370

Berapakah komisen yang sepatutnya diterima oleh Puan Mona untuk tahun 2018 jika nilai yang dibankkan sepanjang tempoh itu ialah RM6 500?

- A RM5 630
- B RM6 370
- C RM6 630
- D RM7 370

31 Maklumat berikut diambil daripada sebuah perniagaan.

	RM
Baki Akaun Belum Terima pada 1 Januari 2018	2 500
Hutang lapuk	330
Pulangan jumlah	150
Kontra	300
Penerimaan cek daripada Akaun Belum Terima	5 450
Diskaun diberi	110
Belian Tunai	3 567
Jualan Tunai	5 686
Baki Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2018	2 850

Berapakah jumlah jualan?

- A RM5 686
- B RM6 694
- C RM9 194
- D RM12 226

32 Manakah tidak benar tentang perkongsian?

- A Ditubuhkan dibawah Akta Pertubuhan 1966
- B Motif perkongsian adalah mendapat keuntungan
- C Bilangan maksimum perkongsian professional ialah 50 orang
- D Untung atau rugi dibahagi mengikut Ikatan Perjanjian Perkongsian

33 Antara berikut yang manakah tujuan kawalan tunai?

- I Supaya pentadbiran berjalan lancar
- II Meningkatkan urusanniaga secara tunai
- III Memastikan tunai perniagaan mencukupi
- IV Mengurangkan risiko penyelewengan tunai

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

34 Maklumat berikut diperolehi daripada Ikhtiar Sdn Bhd :

Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2018

Butiran	Januari	Februari	Mac
	RM	RM	RM
Baki awal	2 500	6 160	7 100
Jumlah penerimaan	12 560	11 140	11 000
Jumlah pembayaran	8 900	10 200	11 350
Lebihan/ (Kurangan)	R	S	T
Baki akhir	U	V	W

Apakah **T**?

- A Lebihan RM350
- B Lebihan RM6 750
- C Kurangan RM350
- D Kurangan RM6 750

35 Apakah butir yang direkodkan di sebelah debit dalam Penyata Bank?

- A Deposit
- B Dividen
- C Perintah sedia ada
- D Faedah atas simpanan

- 36 Manakah yang menerangkan butir 'akaun belum bayar' di sebelah kredit dalam Akaun Realisasi?
- A Bayaran dengan cek kepada akaun belum bayar
 - B Pekongsi mengambil alih akaun belum bayar
 - C Diskaun diterima daripada akaun belum bayar
 - D Untung perniagaan kepada akaun belum bayar

- 37 Syarikat Ariff Berhad menawarkan perkhidmatan penghantaran kargo.

Pada 1 Januari 2018, syarikat telah menerbitkan 1 000 000 unit 5% syer keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 2 000 000 unit syer biasa pada harga RM1.00 sesyer kepada orang awam. Pada tarikh tutup permohonan iaitu 15 Januari 2018, semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh.

Manakah catatan dalam Jurnal Am yang betul pada tarikh tutup permohonan?

Jurnal Am

	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
A	Permohonan 5% syer keutamaan	2 000 000	
	Modal 5% syer keutamaan		2 000 000
B	Permohonan syer biasa	2 000 000	
	Modal syer biasa		2 000 000
C	Bank	4 000 000	
	Permohonan 5% syer keutamaan		2 000 000
	Permohonan syer biasa		2 000 000
D	Permohonan 5% syer keutamaan	2 000 000	
	Permohonan syer biasa	2 000 000	
	Bank		4 000 000

- 38 Manakah benar tentang yuran?

- A Yuran tahun semasa yang masih belum diterima
- B Yuran yang dibayar oleh ahli yang baru menjadi ahli
- C Yuran yang diterima dalam tempoh perakaunan semasa
- D Yuran belum terima pada tahun lepas dan dihapuskan pada tahun semasa

39 Item manakah yang diambil kira dalam menghitung Kos overhead?

- A Gaji kerani pejabat
- B Gaji pengurus kilang
- C Gaji pengurus pemasaran
- D Gaji operator pengeluaran

40 Kilang Kosmetik Bijak Seri mengeluarkan losyen pencerah berjenama Seri yang dijual di pasaran pada harga RM8.00 seunit. Kos-kos yang terlibat dalam pengeluaran losyen ini adalah seperti berikut:

Kos tetap	RM92 000 setahun
Kos berubah seunit	RM6.40

Hitungkan Titik Pulang Modal dalam RM.

- A RM46 000
- B RM57 500
- C RM575 000
- D RM460 000